

# KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

Karung Berkunci 1200  
Ayer Keroh  
75450 Melaka

Tel.: 606-2332266

Fax: 606-2332277

---

## PEJABAT BENDAHARI

---

Ruj. Kami (Our Ref.): KUTKM.03/10.12/3/2 ( 13 )

Februari 2003

Ruj. Tuan (Your Ref.):

### SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 2/2003

Semua  
Ketua Bahagian/Dekan  
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia  
Ayer Keroh, Melaka.

*Assalamualaikum wrt. wbt.*

Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan,

#### **PENGEMASKINIAN TUNTUTAN ELAUN LEBIH MASA**

Dengan hormatnya saya merujuk perhatian Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

Berikut adalah prosedur yang perlu dipatuhi apabila mengemukakan borang tuntutan Elaun Lebih Masa yang melibatkan penggiliran bertugas, syif atau jadual bertugas:

- 1) Setiap borang tuntutan Elaun Lebih Masa yang melibatkan kerja-kerja berjadual seperti yang dinyatakan diatas hendaklah disertakan bersama jadual bertugas yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan atau pegawai yang dilantik di pejabat/ fakulti/ unit/ makmal masing-masing.
- 2) Sebarang perubahan pada jadual bertugas (Eg. penggantian bertugas) mestilah mendapat pengesahan dari Ketua Jabatan atau pegawai yang dilantik yang bertanggungjawab dalam menguruskan pejabat/ fakulti/ unit/ makmal.
- 3) Jadual mestilah lengkap, terang dan jelas dengan tarikh dan masa bertugas seseorang staf tersebut.

Selain dari itu berkaitan dengan tuntutan elaun lebih masa untuk masa menunggu. Masa Menunggu selalunya dikaitkan dengan pemandu di mana pemandu yang terpaksa menunggu ketika menjalankan tugas rasmi adalah dikira menjalankan kerja lebih masa. Walau bagaimanapun **Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa tempoh menunggu itu munasabah.**

Bagi anggota lain yang bukan pemandu **tetapi terpaksa menunggu demi tugas rasmi jabatan dan perkhidmatannya (masa menunggu untuk kerja-kerja kritikal sahaja dimana jika tidak dilakukan akan memudaratkan Jabatan dan perkhidmatannya)** maka layak dibayar elaun lebih masa dengan syarat mendapat pengesahan Ketua Jabatan.

Diharapkan pihak Y. Bhg. Datuk/Prof/Dr./Tuan/Puan, maklum akan perkara tersebut di atas.

Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa mulai dari tarikh diatas.

Sekian, Wassalam.

***‘KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN’***  
***‘BEKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH’***

Yang benar,

**KHAIRUL BIN TAIB**  
Bendahari  
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

s.k. **Y. Bhg. Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddin. B. Ab. Ghani**  
Rektor

**Y. Bhg. Prof. Ismail B. Hassan**  
Timbalan Rektor Akademik

**Y. Bhg. Prof. Dr. Azhari b. Saleh**  
Timbalan Rektor Pembangunan dan Perancangan Korporat

